

## BAB V

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini telah menghuraikan dinamika hubungan pusat dan daerah di Indonesia khususnya tentang proses pemilihan gabenor di Sumatra Barat dalam dua era yang berbeza. Berikutan dengan huraian tersebut beberapa kesimpulan dapat diambil. Selepas itu, akan dikemukakan beberapa cadangan tentang hubungan pusat dan daerah di Indonesia, khasnya tentang pemilihan gabenor .

#### V.1. Kesimpulan

Pengamalan hubungan pusat dan daerah di Indonesia selama 50 tahun kebelakangan boleh dikatakan sebagai hubungan yang sering bermasalah. Hal ini berkait dengan kekaburan peruntukan perlembagaan tentang hubungan ini. Artikel 18 Perlembagaan 1945 yang mengatakan bahawa hubungan pusat dan daerah akan diamalkan mengikut kepada *hak asal-usul daerah yang bersifat istimewa*. Artikel ini diertikan oleh daerah sebagai otonomi luas yang lebih rapat dengan bentuk negara persekutuan (*federalisme*).

Tetapi di lain pihak, pemerintah pusat mengertikan artikel ini sebagai otonomi terhad yang merupakan ramifikasi dari bentuk negara kesatuan (*unitary*). Dalam bentuk negara kesatuan kekuasaan lebih tertumpu kepada kerajaan pusat. Hal ini dapat dikenal pasti dari 5 kali penggubalan UU tentang "*Pemerintahan Daerah*" yang dilakukan oleh pemerintah pusat bersama dengan parlimen.

Pengamalan hubungan pusat dan daerah dengan kekuasaan yang terpusat telah memberikan kesan negatif terhadap politik tempatan di Indonesia terutamanya dalam penentuan pimpinan tertinggi daerah (gabenor), kerana pemerintah pusat mahukan pimpinan tertinggi di peringkat daerah mesti menyokong dan sehalu dengan kemahuan

pemerintah pusat. Oleh kerana itu, pemerintah pusat berupaya melakukan campur tangan dalam proses pemilihan gabenor.

Ada beberapa “alat” atau “*instruments*” yang dipergunakan oleh kerajaan pusat untuk melakukan campur tangan dalam proses pemilihan gabenor. *Pertama*, adanya peruntukan UU yang memberikan kekuasaan yang sangat besar untuk melakukan campur tangan dalam proses pemilihan gabenor. Misalnya, dalam UU No 5 Tahun 1974 dinyatakan bahawa pemerintah pusat tidak terikat dengan hasil proses pemilihan yang dilakukan oleh DPRD. Maknanya, kalau kerajaan pusat tidak mahukan seorang tokoh menjadi pimpinan tertinggi di daerah, maka pemerintah pusat dapat mengeneipkan tokoh tersebut walaupun ianya mendapat sokongan majoriti di DPRD.

*Kedua*, Menteri Dalam Negeri adalah tumpuan semua proses yang dilakukan dalam pemilihan gabenor. Dalam hal ini, selama proses pemilihan dilakukan, semua rangkaian aktiviti mesti mendapat kebenaran dari Menteri Dalam Negeri. Dengan demikian, Menteri Dalam Negeri mempunyai peluang yang luas untuk memberikan arahan terhadap DPRD dalam melakukan pemilihan.

Paling kurang selama proses pemilihan, ada lima tahap yang membabitkan Menteri Dalam Negeri, (1) enam bulan sebelum seorang gabenor menamatkan perkhidmatannya mesti memberitahu kepada Menteri Dalam Negeri, (2) dua atau tiga bulan sebelum dilakukan proses pemilihan gabenor, pimpinan DPRD mesti meminta nasihat (*consult*) kepada Menteri Dalam Negeri, (3) hasil proses pemilihan 5 orang calon mesti meminta arahan atau nasihat kepada Menteri Dalam Negeri kerana 3 orang calon yang akan dipilih dalam pemilihan peringkat akhir mesti dikuatkuasakan oleh Menteri Dalam Negeri, (4) hasil pemilihan akhir mesti disampaikan kepada Menteri Dalam Negeri, dan (5) perlantikan gabenor juga menjadi kekuasaan Menteri Dalam Negeri.

Dengan demikian, secara administratif kekuasaan Menteri Dalam Negeri adalah sangat dominan kerana semua proses pemilihan gabenor bertumpu pada kekuasaannya.

*Ketiga*, gabenor yang masih memangku jawatan diberikan kebebasan untuk mencadangkan tokoh yang akan menggantikan jawatannya. Nama calon pengganti ini disampaikan kepada Presiden atau Menteri Dalam Negeri 6 bulan sebelum masa jawatannya berakhir. Mengikut hasil ini, maka gabenor terbabit berupaya menjayakan calon tersebut menjadi gabenor sebagai penggantinya.

*Keempat*, pemerintah pusat menubuhkan sebuah parti (iaitu Golkar) yang dalam setiap pilihan raya kebangsaan selama Orde Baru selalu berjaya mendapatkan sokongan majoriti pengundi. Golkar melalui fraksinya (Fraksi Golkar) yang ada di DPRD akan melaksanakan misi pemerintah pusat dalam pemilihan gabenor. Kerana Fraksi Golkar tidak mungkin akan melakukan sebarang tindakan yang bercanggah dengan arahan gabenor. Apatah lagi gabenor secara *ex officio* adalah "Ketua Dewan Pembina" Golkar pada peringkat propinsi.

Dengan demikian pemerintah pusat telah melakukan campur tangan yang nyata dalam setiap proses pemilihan gabenor. Bahkan, campur tangan tersebut dilakukan tanpa mempedulikan nilai-nilai demokrasi, misalnya membatalkan tokoh yang telah mendapat suara majoriti di DPRD. Keadaan ini ditambah lagi dengan berlakunya penumpukan kuasa pada setiap peringkat (strata) struktur kenegaraan dan kemasayarakatan. Penumpukan kuasa ini wujud pada kelompok-kelompok kecil yang dekat dengan "pusat kekuasaan". Kelompok kecil yang sedemikian itulah yang mengakibatkan diperlekehkan dan diabaikan aspirasi yang berkembang di masyarakat.

Hal tersebut di ataslah di antaranya yang menjadi masalah amalan demokrasi dalam 50 tahun belakangan di Indonesia yang bercanggah dengan azam yang dicita-citakan oleh para pendiri bangsa Indonesia di awal kemerdekaan. Lebih jauh dari itu, pengamalan demokrasi yang demikian hampir mengheret Indonesia pada jurang kehancuran.

## V.2. Cadangan

Berikutan dengan rumusan di atas, terutama wujudnya campur tangan yang nyata dalam pengamalan demokrasi di Indonesia yang mengakibatkan diperlekehkan dan diabaikan

aspirasi yang berkembang di masyarakat, maka cadangan yang akan disampaikan meliputi dua hal. *Pertama*, mengkaji semula asas hubungan pusat dan daerah yang telah diamalkan selama 50 tahun kebelakangan. Kerana terbukti pengamalan dari asas yang ada telah mendatangkan protes yang berterusan dari semasa ke semasa. Ini bermakna bahawa konsep itu sudah ditolak oleh masyarakat terutama di peringkat daerah.

*Kedua*, khas untuk pemilihan gabenor, sudah tiba masanya untuk mengamalkan cara pemilihan langsung (*direct election*). Ada tiga alasan yang memungkinkan dilakukan pemilihan seperti ini.

*Pertama*, aspirasi rakyat secara langsung dapat disalurkan dalam menentukan tokoh yang mereka sokong untuk menjadi gabenor. Dengan demikian, rasa memiliki rakyat terhadap tokoh yang mereka pilih akan lebih berkesan dibandingkan dengan yang dipilih mengikut sistem perwakilan (DPRD). *Kedua*, rakyat dapat mengenal pasti tokoh yang akan memimpin mereka. Di samping itu, juga dapat dikesan program-program yang hendak dilakukan oleh seorang calon kalau ianya berjaya memenangi pemilihan. *Ketiga*, kuatnya desakan di peringkat nasional untuk melakukan pemilihan presiden secara langsung. Merupakan sebuah hal yang aneh kalau presiden dipilih secara langsung sedangkan gabenor dipilih dengan sistem perwakilan. Bahkan, ide pemilihan langsung akan lebih baik dimulakan dengan pemilihan gabenor secara langsung di peringkat daerah.